

02/02/2003

Perdana Menteri lawat Gerbang Selatan Bersepadu 14 Februari

JOHOR BAHRU: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadualkan melawat projek mega Gerbang Selatan Bersepadu yang turut merangkumi pembinaan jambatan baru bagi menggantikan Tambak Johor di sebelah Malaysia, 14 Februari ini.

Dr Mahathir sebelum ini dijadualkan melawat tapak projek yang membabitkan belanja berbilion ringgit itu 28 Januari lalu.

Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, yang mengumumkan perkara itu, semalam, berkata Perdana Menteri juga dijadualkan melawat beberapa tapak projek lain seperti taman rekreasi yang sedang dibangunkan di Pantai Lido.

Taman rekreasi terbabit dijangka dibuka untuk kegunaan awam pertengahan tahun ini.

Abdul Ghani berkata, Projek Gerbang Selatan Bersepadu yang turut membabitkan pembinaan Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin Johor Bahru yang baru, kini berjalan lancar.

"Rancangan bagi proses pemindahan semula lebih 9,000 penduduk di Flet Lumba Kuda dan Bukit Cagar yang akan dirobohkan bagi memberi laluan kepada

pembangunan projek itu, kini persiapan pada peringkat akhir.

"Kerajaan yakin pemindahan penduduk terbabit dapat dilakukan secara licin," katanya kepada pemberita selepas menghadiri sambutan Tahun Baru Cina anjuran Dewan Perniagaan dan Perindustrian Tionghua Johor Bahru di sini, semalam.

Beliau berkata, Projek Gerbang Selatan Bersepadu membabitkan kawasan seluas 40 hektar bakal menjadi pemangkin kepada perubahan kawasan perniagaan utama di pusat bandar raya.

"Kerajaan Pusat sudah meluluskan peruntukan untuk mengubahsuai dan mengindahkan lagi kawasan sepanjang Jalan Wong Ah Fook dan kerja pembersihan Sungai Segget.

"Malah, kita juga akan menerima peruntukan bagi pembinaan satu lagi taman rekreasi di Tanjung Puteri tidak lama lagi," katanya.